

12 MAR 2000

UMNO TAPAH DAN BAGAN DATOH CALONKAN DR MAHATHIR DAN PAK LAH

TAPAH, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Tapah dan Bagan Datoh yang bermesyuarat pagi ini, masing-masing mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan parti Mei Ini.

Kedua-dua Bahagian itu juga mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap Umno dan ketua bahagian Ipoh Timur Datuk Yahya Shafie selaku timbalan pengerusi tetap.

Bagi pencalonan jawatan naib presiden, Bahagian Tapah mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib dan Datuk Seri Syed Hamid Albar manakala Bahagian Bagan Datoh mencalonkan Najib, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Osu Sukam.

Dua puluh lima calon kerusi MT yang dipilih oleh Bahagian Tapah ialah Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Wira Mohamad Ali Rustam, Datuk Shafie Salleh, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Annuar Musa, Datuk Suleiman Mohamad, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Adnan Yaakob, Datuk Seri Shahidan Kassim, Tan Sri Abdul Hamid Pawan Teh, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Shafie Apdal, Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Azmi Khalid, Tan Sri Sanusi Junid, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Shariff Omar, Datuk Dr Helmi Yahya dan Raja Ropiah Raja Abdullah.

Calon-calon MT yang dipilih oleh Bahagian Bagan Datoh ialah Tajol Rosli, Ramli Ngah Talib, Nazri Tan Sri Aziz, Megat Junid, Aziz Shamsuddin, Zainal Abidin Zin, Ahmad Zahid Hamidi, Shahidan Kassim, Azmi Khalid, Shariff Omar, Helmi Yahya, Mohamad Ali Rustam, Adnan Yaakob, Abdul Hamid Othman, Datuk Dr Yusof Yaakob, Hassan Ariffin, Datuk Maznah Hamid, Raja Ropiah, Jamaluddin Jarjis, Datuk Suhaili Abdul Rahman, Datuk Dr Mahadzir Khir, Datuk Zainal Dahlan, Datuk Mohamad Haji Hassan, Datuk Shahril Samad dan Datuk Ishak Ismail.

--BERNAMA

HJ HK RHM